

**KETOKOHAN DAN SUMBANGAN MUAZ BIN JABAL RADIYALLAHU  
ANHU DALAM MEDAN DAKWAH**

1033

MOHD ASRI BIN ISHAK  
HAMZAH BIN OMAR,  
MOHD NORZI BIN NASIR.

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

**ABSTRAK**

*Muaz Bin Jabal Radiyallahu an hu adalah sahabat Nabi s.a.w. yang masyhur, beliau termasuk golongan yang awal memeluk Islam ketika mana Islam mula tersebar di bumi Madinah , beliau antara sahabat yang banyak berkorban harta dan tenaga untuk bersama-sama Rasulullah s.a.w dalam menyebarkan luaskan dakwah Islam. Ketokohnya dalam bidang ilmu pengetahuan tidak dipertikaikan lagi bilamana beliau dilantik oleh Rasulullah s.a.w. sebagai mufti ketika mana Nabi s.a.w masih hidup, beliau dihantar ke Mekkah dan Yaman sebagai daie dan murabbi, mengajar orang-orang Islam al Quran dan ilmu Syariah yang mana semuanya membawa kepada tersebar luasnya agama Islam. Beliau mempunyai sumbangan yang sangat besar dalam medan dakwah, sehingga ke hari ini, metodolgi dakwahnya menjadi kajian dan rujukan para daie dari generasi ke generasi. Kajian ini adalah untuk melihat ketokohan Muaz bin Jabal Radiyallahu an hu dan sumbangan beliau dalam medan dakwah.*

*Kata kunci: Ketokohan, sumbangan, sahabat, dakwah, Muaz bin Jabal.*

**1.0 PENGENALAN**

Muaz Bin Jabal Radiyallahu an hu adalah tokoh dakwah yang terkenal pada zaman Nabi s.a.w. Beliau adalah di antara sahabat Nabi s.a.w. yang mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi. Dengan ketinggian ilmu yang ada serta kefahaman yang tajam dalam ilmu syariah beliau telah dihantar oleh Nabi s.a.w ke Mekkah dan Yaman sebagai seorang daie dan guru untuk mengajar dan menyebarkan dakwah Islam .Selepas pembukaan kota Mekkah, Muaz bin Jabal Radiyallahu anhu adalah diantara sahabat Nabi s.a.w yang diberi amanah oleh Nabi untuk mengajar penduduk Mekkah tentang al –quran dan menjadi rujukan sekiranya mereka mempunyai kemusykilan tentang agama Islam.<sup>1</sup>

**2.0 KETOKOHAN DALAM MEDAN DAKWAH**

Ketokohan Muaz Bin Jabal Radiyallahu anhu dalam bidang dakwah sangat terzahir bila mana beliau secara khusus dilantik oleh Nabi s.a.w sebagai duta Islam dan daie kepada Ahli Kitab yakni orang-orang Nasrani di Yaman. Nabi s.a.w .bila mana ingin meletakkan satu tanggung jawab yang berat dan besar, maka Nabi akan memilih orang yang layak untuk memikul tanggung jawab tersebut. Maka dengan ketokohan dan keilmuan yang ada

---

<sup>1</sup> ) Ibnu Saad, At Tabaqat Al Kubra, (jld 2, ms 265)

pada diri Muaz bin Jabal Radiyallahu an hu beliau telah dipilih oleh Nabi s.a.w untuk memikul tanggung jawab tersebut.

Pada tahun ke sepuluh hijrah Nabi s.a.w telah menghantar Muaz Bin Jabal Radiyallahhu an hu ke Yaman.<sup>2</sup> Pemergian Muaz bin Jabal Radiyallahhu an hu ke Yaman bersama wasiat besar Nabi s.a.w yang khusus menjadi rujukan kepada seluruh para duat tentang manhaj dan uslub dakwah hingga ke hari ini.Hadis yang masyhur dan tersohor berkaitan manhaj dakwah yang betul termaktub dalam kitab *Sohihain*

Muaz *Radiyallahhu an hu* telah menceritakan kisah dan apa yang telah diajar oleh Rasulullah s.a.w kepadanya , kata Muaz : Nabi s.a.w telah mengutusku ke Yaman dan Nabi s.a.w. telah bersabda : Wahai Muaz ! sesungguhnya engkau akan diutuskan kepada Ahli Kitab , maka serulah mereka kepada penyaksian ( syahadah ) bahawa sesungguhnya tiada tuhan selain Allah dan sesungguhnya aku adalah Rasulullah (utusan Allah ) , sekiranya mereka boleh menerima dan mentaati mu pada perkara itu , maka ajarkan lah mereka tentang kefarduan solat lima waktu sehari semalam yang telah diperintahkan oleh Allah , sekiranya mereka boleh menerima dan mentaatimu pada perkara itu , maka ajarkanlah mereka tentang kefarduan zakat yang mana harta dari golongan yang kaya di antara mereka diagihkan kepada golongan yang miskin di kalangan mereka , sekiranya mereka boleh menerima dan mentaatimu , maka waspadalah dirimu terhadap kemuliaan harta mereka ,takutlah dirimu akan doa orang yang dizalimi kerana sesungguhnya tiada hijab di antara doa mereka dan Allah s.w.t.<sup>3</sup>

Keberadaan Muaz Bin Jabal Radiyallahu an hu di Yaman membawa kejayaan yang besar bagi Nabi s.a.w dan Ummat Islam, empayar Islam mula tersebar di Yaman. Dengan ketokohan yang ada pada diri Muaz bin Jabal serta dakwah yang berlandaskan manhaj serta uslub dakwah yang betul dan berhikmah, Islam diterima dengan baik oleh pembesar dan penduduk di Yaman. .

Berkata Ibnu Hazim : Dan diutuskan Muaz bin Jabal Radiyallahhu an hu ke beberapa tempat di Yaman,sebagai seorang daie untuk Islam,maka semua pembesar-pembesar Yaman memeluk Islam.<sup>4</sup>

Muaz Bin Jabal Radiyallahhu anhu juga berjaya menjadikan Yaman sebagai pusat penyebaran Islam ,ini terbukti dengan terbinanya sebuah masjid yang pertama di Yaman yang menyerupai fungsi Masjid Nabawi di Madinah. Dengan terbinanya masjid ini,Islam makin berkembang ke seluruh pelusuk Yaman .<sup>5</sup>

Ketokohan Muaz bin Jabal Radiyallahu anhu tidak diperagui lagi,beliau seorang yang begitu bersungguh-sungguh dalam menyebarkan dakwah Islam ke seluruh pelusuk alam,hasil didikan dan tarbiyah dari Nabi s.a.w.

---

<sup>2</sup> ) Dr Ahmad Muhammad Ulaimi ,Rehlah Muaz Bin Jabal Radiyallahuan anhu ad daawiyah ila Yaman kama Waradat Fi sunnah Annabawiyah ,(ms 249)

<sup>3</sup> ) Hadis riwayat Al Bukhari dan Muslim , Sohih Al Bukhari ,Kitab Tauhid , bab Dakwah Nabi kepada ummatnya pada mentauhidkan Allah , no hadis 7372,ms 4/378 , Sohih Muslim,kitab Al Iman, bab dakwah kepada dua syahadah dan syariat Islam , no hadis: 29 ,ms 1/50.

<sup>4</sup> ) Ibnu Hazim,Jawami' As Sirah , m/s 30.

<sup>5</sup> ) Lihat ,Abu Naim Al Asbahani,Hilyah Auliyak Wa Tobaqat Asfiyak,jld 1/ms 236.

Selepas kewafatan Rasulullah s.a.w kerja dakwah Muaz tidak terhenti ,beliau terus menyebarkan dakwah Islam,beliau mohon dihantar ke Syam dan turut menyertai beberapa siri peperangan di sana dalam memastikan Islam terus tersebar. <sup>6</sup>

### **3.0 SUMBANGAN DALAM MEDAN DAKWAH**

Muaz bin Jabal Radiyallahu anhu antara sahabat yang banyak memberikan sumbangan dalam menyebarkan dakwah Islam,beliau memeluk Islam pada usia 18 tahun atas dakwah Mus'ab bin Umair Radiyallahu an hu <sup>7</sup>,setelah memeluk Islam beliau begitu komited dan bersungguh-sungguh dalam menyebarkan Islam di kalangan ahli Madinah, sehingga Islam tidak lagi asing di kalangan ahli Madinah.Beliau bersama Rasulullah s.a.w dan para sahabat nabi dari kalangan Muhajirin dan Ansar berganding bahu ,berkerjasama,berkorban jiwa,tenaga dan harta dalam menyebarkan agama Allah sehingga Madinah menjadi sebuah negara Islam pertama di bawah pimpinan Rasulullah s.a.w.Berikut adalah beberapa sumbangan besar Muaz bin Jabal Radiyallahu an hu dalam medan dakwah.

#### **A. Memperkasakan tauhid kepada Allah.**

Dakwah kepada Tauhid adalah asas utama dalam medan dakwah Islam,semua para nabi dan rasul di utus untuk mentauhidkan Allah swt. Firman Allah “sesungguhnya Kami telah mengutuskan kepada setiap umat seorang rasul yang menyeru: sembahlah Allah dan jauhilah thaghut.” (An-Nahl: 36)

Setelah memeluk Islam,dakwah Muaz bin Jabal Radiyallahu an hu juga adalah kepada mentauhidkan Allah swt.Ini jelas terbukti dengan beberapa tindakan beliau dalam menghapuskan kesyirikan yang ada di bumi Madinah.Antara sumbangan besar Muaz bin Jabal Radiyallahu anhu dalam menegakkan tauhid kepada Allah adalah dengan menghancurkan berhala yang menjadi sembah penduduk Madinah di perkampungan Bani Salamah.

Berhala yang dimusnahkan oleh Muaz itu adalah milik pembesar Bani Salamah yang bernama Amru bin Jamuh ,dengan memusnahkan berhala tersebut telah membawa kepada keislaman Amru bin Jamuh Radiyallahu an hu . <sup>8</sup>

Demi membawa manusia dari kegelapan kepada cahaya Muaz bin Jabal Radiyallahu anhu juga telah mengadakan beberapa siri dialog dengan orang-orang Yahudi di Madinah,beliau telah menceritakan tentang kenabian dan kebenaran yang dibawa oleh Nabi s.a.w. Akan tetapi orang-orang Yahudi tetap enggan beriman dengan apa yang dibawa oleh Nabi s.a.w <sup>9</sup>.

Islam adalah agama yang benar,mempertahankan aqidah Islam adalah satu tanggung jawab yang sangat besar bagi diri ummat Islam,demi untuk menjaga kemurnian dan ketinggian Islam Muaz bin Jabal Radiyallahu anhu telah menghukum bunuh seorang lelaki yang murtad ketika beliau berada di Yaman dalam misi dakwahnya.Kisah ini termaktub dalam Musnad Imam Ahmad bin Hambal . <sup>10</sup>

<sup>6</sup> ) Lihat: Ibn Saad,Tabaqat Al Kubra ,Jld 1/ms 265.

<sup>7</sup> ) Az Zahabi,Syiar A'lam An Nubala',jld 3,ms 270

<sup>8</sup> ) lihat :Ibnu Hisham,Sirah An Nabawiyah ,jld 2,ms 70.

<sup>9</sup> ) lihat : ibnu Hisham ,Sirah An Nabawiyah ,jld 2,ms 152.

<sup>10</sup> ) lihat : Imam Ahmad Bin Hambal ,Musnad ,jld 36,ms 344.

Ini adalah sebahagian contoh sumbangan Muaz bin Jabal Radiyallahhu an hu dalam memperkasakan tauhid yang menjadi tunjang utama dalam dakwah Islam .

### **B. Menyertai peperangan dalam menyebarkan dakwah Islam**

Peperangan bukan lah wasilah utama dalam manhaj dakwah Islam,peperangan adalah pilihan terakhir yang akan diambil oleh Islam bilamana pihak musuh tidak mahu mengikuti apa yang telah ditetapkan oleh Islam. Allah swt telah membenarkan kepada Nabi s.a.w. dan para sahabat untuk berjihad dalam mempertahankan kesucian dan kedaulatan Islam.Setelah memeluk Islam antara subangan utama yang diberikan oleh Muaz bin Jabal Radiyallahu anhu adalah dengan menyertai semua peperangan yang disertai oleh Nabi s.a.w. Bermula dengan perang Badar ,Perang Uhud ,Perang Khandak sehingga kepada Pembukaan Kota Mekkah kemudian Perang Tabuk , Muaz tidak ketinggalan dalam bersama-sama mengangkat senjata demi untuk melihat Islam tersebar dan berada pada tempatnya.<sup>11</sup>

Semangat jihad Muaz tidak terhenti ketika hayat Nabi s.a.w sahaja bahkan semangat jihadnya berterusan walaupun setelah kewafatan Nabi s.a.w. Beliau turut menyertai peperangan pada zaman Khalifah Abu Bakar dan Khalifah Umar Radiyallahu an huma.Beliau juga turut serta dalam beberapa misi peluasan Islam di Syam dan berperang dengan tentera-tentera Rom .<sup>12</sup>

### **C. Menjadi Duta Islam ke Yaman .**

Antara sumbangan besar yang telah disumbangkan oleh Muaz bin Jabal Radiyallahu an hu untuk Islam ialah kesanggupannya untuk menjadi daie dan duta Islam ke Yaman.Ianya satu sumbangan yang cukup besar kerana dengan izin Allah dan asbab kesanggupan Muaz bin Jabal Radiyallahu an hu, Islam tersebar dan diterima oleh pembesar dan penduduk di Yaman.<sup>13</sup> Bermula dari dakwah Muaz ke Yaman ,Islam menjadi agama rasmi penduduk Yaman hingga ke hari ini,yang mana majoriti penduduk Yaman beragama Islam.

Pada tahun ke 10 hijrah Nabi s.a.w telah menghantar Muaz ke Yaman untuk berdakwah kepada Ahli Kitab di sana.Pemergiannya di akhiri dengan sebuah ucapan Nabi yang sangat menyentuh hati Menurut Imam Zhahabi , semasa Nabi s.a.w menghantar Muaz bin Jabal *Radiyallahhu an hu* ketika beliau ingin memulakan permusafirannya ke Yaman , ketika itu beliau di atas tunggangannya manakala Nabi s.a.w. mengiringi tunggangannya di bawah , tatkala tunggangannya mula bergerak Nabi s.a.w. berkata kepada Muaz *radiyallahhu an hu* : wahai Muaz ! sesungguhnya engkau tidak akan bertemu dengan aku lagi selepas ini , engkau hanya akan bertemu dengan masjid dan kubur ku, apabila mendengar apa yang telah diucapkan oleh Nabi s.a.w maka Muaz menangis teresak-esak di atas perpisahan yang terjadi , apabila Nabi s.a.w melihat Muaz menangis Nabi berkata : Wahai Muaz! Jangan menangis, sesungguhnya tagisan dan kesedihan itu adalah dari syaitan.<sup>14</sup> Bukan lah sesuatu perkara yang mudah untuk kita

<sup>11</sup> ) lihat : Abu Naim Al Afahani ,Ma'rifat As Sohabah,jld 5,ms 2432 dan Ibnu Asakir ,Tarikh Dimasyk,jld 58,ms 387.

<sup>12</sup> ) lihat : Ibnu Asakir ,Tarikh Dimasyk ,jld 2,ms 36-37 dan ms 149.

<sup>13</sup> )Ibnu Hazim,Jawami' As Sirah , m/s 30

<sup>14</sup> ) Riwayat Imam Ahmad , Hadis no : 22054 , ms 36/377-378.

meninggalkan seseorang yang kita sayang,yang mana kita tahu bahawa selepas pemergian kita orang itu tidak dapat lagi kita jumpai bilamana kita pulang semula nanti,akan tetapi demi kerana ingin melihat Islam berkembang dan tersebar, Muaz Radiyallahu anhu cekalkan hatinya pergi meninggalkan Nabi s.a.w menuju ke Yaman membawa risalah Islam.Ini satu sumbangan dan penghargaan yang besar dari Muaz bin Jabal Radiyallahu anhu untuk Islam.

#### **D. Menyebarkan Ilmu yang sohih dan pengasas kepada gagasan Ilmu di Sham dan Yaman.**

Muaz bin Jabal Radiyallahu an hu merupakan seorang cediakawan di kalangan para sahabat , beliau merupakan salah seorang dari 6 orang *fuqaha'* yang ada di Madinah pada masa Nabi s.a.w masih hidup . Berkata Sofwan bin Salim : Tiada sesiapa pun yang boleh memberikan fatwa pada zaman Nabi s.w.a. di Madinah kecuali Umar , Ali , Muaz dan Abu Musa *Radiyallahu an hum ajmain*.<sup>15</sup>

Muaz R.ahn juga merupakan salah seorang sahabat yang pandai dan mahir dalam pembacaan al Quran , beliau merupakan antara sahabat yang menjadi rujukan ketika mana Al-Quran ingin dibukukan. Kemahiran dan kepandaian Muazz *Radiyallhu an hu* dalam bidang Al-Quran diakui dan dibenarkan oleh Rasulullah s.a.w : bersabda Nabi s.a.w.( bacalah dan pelajarilah Al-Quran dari 4 orang ini , Ibnu Mas'ud , Salim Maula Abi Khuzaifah , Ubai dan Muaz bin Jabal.<sup>16</sup>

Nabi s.a.w telah memberikan penyaksian atas ilmu yang ada pada Muazz dan kepakaran beliau dalam hukum hakam syariat Islam. Dari Anas bin Malik , telah bersabda Nabi s.a.w. ( Ummat aku yang paling penyayang kepada ummat aku adalah Abu Bakar , yang paling tegas atas pendirian ialah Umar , yang paling pemalu adalah Usman , yang paling mengetahui hukum halal dan haram adalah Muazz.<sup>17</sup>

Dengan ilmu yang ada pada Muaz bin Jabal Radiyallahu anhu beliau telah membuka beberapa halaqah pengajian ketika mana beliau berada di Yaman dan Sham .

Berkata Ali Muhammad As Solabi : Muaz bin Jabal radiyallahu anhu adalah salah seorang sahabat yang mengasaskan gagasan Ilmu di Yaman.Dia adalah salah seorang ulamak di kalangan para sahabat yang turut serta dalam membawa masuk Islam ke Yaman<sup>18</sup>

Kesan besar yang dapat dilihat hingga ke hari ini hasil sumbangan Muaz bin Jabal Radiyallahu an hu di Yaman ialah terbinanya sebuah pusat ilmu di Al Jund Yaman di mana Pusat Ilmu itu di kenali sebagai Maahad Muaz bin Jabal Radiyallahu anhu al ilmi yang wujud hingga ke hari ini,dimana dari pusat ini lahirnya ramai ulamak ummat dan

---

<sup>15</sup> ) Abu Nuaim Al- Asbahani, *Ma'rifah As Sahabah* , tahqiq : Adil bin Yusof Al Azazi , Dar Al Watan – Riyadh, 1998,ms 5/2431.

<sup>16</sup> ) Hadis ini riwayat Al Bukhari , Kitab : Manaqib Al Ansar , Bab : *Manaqib Muaz Bin Jabal Radiyallahhu an hu* , no hadis : 4806, ms 5/36.

<sup>17</sup> ) Hadis riwayat At Tirmizi, Bab : *Manaqib Muaz bin Jabal ,Zaid bin Thabit ,Ubaidillah bin Jarrah radiyallahhu an hum*, no hadis : 3790, ms 6/ 135.

<sup>18</sup> )rujuk :Ali Muhammad As solabi ,Ad Daulah al Umawiyah a'wamilu al izdihar wa tadai'yat al inhiyyar,jld 2,ms 258.

ianya mempunyai peranan yang sangat besar dalam melahirkan ulamak dan murabbi ummat.<sup>19</sup>

Di Syam, Muaz bin Jabal Radiyallahu anhu turut berperanan dalam menubuhkan gagasan Ilmu, beliau bersama beberapa orang sahabat besar seperti Omar Al Khattab, Abu Darda' dan Ubadah bin Samit bekerja sama dalam membangunkan sistem pendidikan di Sham.<sup>20</sup> Dari hasil usaha mereka lahirnya ramai para daie dan ulamak yang terus menerus menyebarkan dakwah Islam hingga tersebar Islam ke seluruh pelusuk alam.

#### 4.0 KESIMPULAN

Muaz bin Jabal radiyallahu an hu seorang tokoh sahabat yang banyak menyumbang untuk penyebaran dan peluasan Islam. Beliau seorang sahabat yang ikhlas berjuang untuk menegakkan agama Allah swt di muka bumi ini. Ketokohan beliau dalam bidang dakwah menjadi inspirasi bagi setiap yang mengkaji dan membaca sirah kehidupannya. Sumbangan yang beliau berikan untuk Islam tiada nilai tandingnya. Nabi s.a.w telah melahirkan ramai tokoh-tokoh ummah untuk dijadikan sebagai *role model* dalam kehidupan, setiap tokoh ummah yang ada ini perlu kita keluarkan dan kaji kehidupan mereka untuk tatapan masyarakat yang mana banyak menjadikan tokoh-tokoh barat sebagai inspirasi kehidupan mereka. Sedangkan tokoh-tokoh barat ini membawa masyarakat jauh dari agama Allah swt sedang tokoh-tokoh dari kalangan sahabat ini membawa kita pada hidayah dan dekat kepada Allah.

#### RUJUKAN

Al Quran Al Karim .

Ibnu Asakir, Abu Qasim Ali bin Al Hasan, **Tarikh Dimasyk**, Tahqiq: amru Bin Gharamah, Darul Fikri Littibaah, 1995.

Dr. Ahmad Muhammad Al Alimi, **Rehlah Muaz Bin Jabal Radiyallahhu an hu Ad Da'awiyah Ila Yaman Kama Waradat Fi Sunnah An Nabawiyah**, PDF.

Ibnu Hazim, Abu Muhammad Ali bin Ahmad Al Andalusi Al Qurtubi, **Jawami' As Sirah Wa Khamsa Rasail al Ukhra**, tahqiq: Ikhsan Abbas, Darul Maarif, Mesir, 1990.

Muhammad bin Ismail Al Bukhari, **Sohih Imam al Bukhari**, tahqiq : Muhammad Zahir bin Nasir, Dar Thuq An Najah, cetakan pertama 1422h.

Muslim bin Al Hajjaj Abu Al Hassan An Naisaburi, **Sahih Muslim**, tahqiq : Muhammad Fuad Abdul Baqi, Dar Ihya' At Thurath al Arabi-Bierut.

Abu Abdullah Ahmad bin Muhammad bin Hambal, **Musnad Imam Ahmad**, tahqiq : Syuib Ar Naut, Adil Mursyid, Seliaan dr Abdullah bin Abdul Mukhsin At Turki, Muassah Ar Risalah, Cetakan pertama 2001.

Abu Nuaim Ahmad bin Abdullah Bin Ahmad Al asbahani, **Ma'rifat As Sahabah**, tahqiq : Dr Adil Yusof Al Azazi, Dar Al watan-Riyadh, cetakan pertama 1998.

---

<sup>19</sup> ) Ahmad Muhammad Ulaimi, Rehlah Muaz bin Jabal radiyallahu anhu Ad daa'awiyah Ila Al Yaman, ms 252.

<sup>20</sup> ) lihat : Ali Muhammad As solabi, Ad Daulah al Umawiyah a'wamilu al izdiyar wa tadai'yat al inhiyyar, jld 2, ms 258.

Ibnu Hisham, Abdul Malik bin Hisham Al Humairi al Maa'firi, *Sirah An Nabawiyah*, tahqiq: Mustafa As Saqa dan Ibrahim Al Abyari, Maktabah Al Baabi Al Halabi, Mesir 1955.

Az Zhahabi, Shamsuddin Abu Abdillah Muhammad bin Ahmad, *Syiar A'lam An Nubala'*, Muassasah Ar Risalah, 1985.